

MAJLIS PECAH TANAH PROJEK PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) AMPAR TENANG, DENGKIL, SELANGOR



YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak (Perdana Menteri Malaysia) telah merasmikan Majlis Pecah Tanah bagi Projek Program Perumahan Rakyat (PPR) Ampar Tenang, Dengkil, Selangor pada 16 Ogos 2017.

Turut hadir semasa majlis ialah YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam (Menteri Kesihatan Malaysia), YB Tan Sri Noh bin Haji Omar (Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan), YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique (Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan) dan YBhg. Datuk Haji Mohammad bin Mentek (Ketua Setiausaha, KPKT).

KPKT melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) bakal membina 400 unit rumah teres setingkat yang dilengkapi dengan kemudahan balai komuniti dan tapak rumah ibadat bukan Islam. PPR yang melibatkan kos pembangunan sebanyak RM60 juta ini dijangka siap pada Julai 2019.



Tujuan penyediaan PPR Ampar Tenang, Dengkil ini adalah untuk menempatkan 400 buah keluarga bekas pekerja ladang yang berdepan masalah memiliki rumah sejak 1996. Pembinaan PPR ini akan menggantikan Rumah Kos Rendah



Taman Permata, Dengkil yang kini menjadi kediaman kepada bekas pekerja Ladang Perang Besar, Madingly, Galloway dan Sedgely yang berkorban meninggalkan tanah ladang tersebut bagi membuka laluan kepada pembangunan Putrajaya. Sebelum ini, penduduk Rumah Kos Rendah Taman Permata berdepan masalah keretakan teruk pada struktur kediaman mereka dipercayai akibat tanah mendap.

Semasa majlis, YAB Perdana Menteri juga mengumumkan bahawa setiap unit rumah PPR ini akan dijual pada harga RM20,000.00 berbanding dengan kos asal iaitu sebanyak RM150,000.00 seunit. Ini bermakna Kerajaan memperuntukkan subsidi sebanyak RM130,000.00 bagi setiap unit PPR ini.



YAB Perdana Menteri turut mengumumkan bahawa seramai 216 pekerja ladang yang telah melangsaikan bayaran RM20,000.00 bagi Rumah Kos Rendah Taman Permata yang didiami ketika ini, akan memiliki rumah PPR ini tanpa sebarang bayaran.

Sumber: Unit Komunikasi Korporat, KPKT